

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 6/12/2010

Bahasa PM gamatkan dewan

UM 6-12-2010
KUALA LUMPUR 5 Dis. – Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menarik perhatian perwakilan Konvensyen Barisan Nasional apabila mengungkapkan bahasa pertuturan pelbagai masyarakat di negara ini seperti Iban, Bajau, Bidayuh, Orang Ulu, Murut, Mandarin dan Tamil semasa menyampaikan ucapan dasarnya.

Beliau memulakan ucapan dengan Salam 1Malaysia sebelum menterjemahkannya ke bahasa Mandarin iaitu 'Yi ge Malaysia', 'Oray Malaysia' (Tamil),

'Ndi Malaysia' (Bidayuh), 'Ji Malaysia' (Orang Ulu), 'Ise Malaysia' (Kadazan Dusun), 'Saumi Malaysia' (Murut) dan 'Sato Malaysia' (Iban).

Setiap kali menggunakan sesuatu bahasa, beliau diberi tepukan gemuruh oleh kira-kira 2,340 anggota perwakilan parti-parti komponen BN, rakan-rakan BN dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menghadiri konvensyen ketiga bertemakan '1Rakyat, 1Negara, 1Wawasan' di Wisma MCA di sini hari ini.